

MRT terbit pusingan sukuk kedua

» RM8.03 bilion telah dibelanja melalui dana RM11 bilion

MRT Corporation menjangkakan Danainfra Nasional Bhd akan menerbitkan satu lagi pusingan sukuk pada akhir tahun bagi membiayai projek MRT Sungai Buloh-Kajang.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corporation, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid yang ditanya mengenai unjuran nilai sukuk itu, berkata ia bergantung kepada keperluan aliran tunai syarikat pada masa itu, namun berkata, ia tidak terlalu besar.

Tambahan dana

"Pada masa ini, dana yang diperolehi melalui sukuk berjumlah RM11 bilion, dan sehingga 30 Jun lalu, kami membelanjakan kira-kira RM8.03 bilion daripadanya untuk membayar kontraktor, rakan pelaksana projek, yuran jurutera perunding, penyelia projek serta insurans.

"Pusingan kedua terbitan sukuk tidak terlalu besar memandangkan masih ada baki dana daripada terbitan sebelumnya. Kami cuba sedaya upaya untuk mengawal perbelanjaan," katanya pada taklimat media mengenai perbelanjaan projek MRT di Kuala Lumpur, semalam.

Danainfra, anak syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan, ditubuhkan untuk tujuan khusus sebagai jentera pembiayaan sosial untuk kerajaan mencari dana bagi membiayai projek infrastrukturnya.

Secara keseluruhan, Azhar berkata kira-kira RM30 bilion dijangka dibelanjakan untuk projek MRT.

Mengenai kontrak baharu, Azhar berkata, terdapat tujuh pakej kerja kecil bernilai kira-kira RM300 juta yang akan di tender pada akhir tahun ini, termasuk perabot pejabat dan pakej lampu LED.

Mengenai perkembangan MRT, syarikat itu semalam mengumumkan sehingga 30 Jun 2014, kemajuan keseluruhan kerja bawah tanah sudah 63.34 peratus siap, manakala kemajuan terowong siap



"Pusingan kedua terbitan sukuk tidak terlalu besar memandangkan masih ada baki dana daripada terbitan sebelumnya. Kami cuba sedaya upaya untuk mengawal perbelanjaan"

Azhar Abdul Hamid,
Ketua Pegawai Eksekutif
MRT Corporation

65.9 peratus.

Mengenai perjanjian antara MRT Corporation, sebagai pemilik dan Syarikat Prasarana Negara Bhd, yang dilantik oleh kerajaan sebagai pengendali, Azhar berkata, belum ada keputusan muktamad diputuskan lagi.

Ada perbincangan

"Kami sudah mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah mengenai perkara itu, dan akan ada beberapa jenis perjanjian antara kedua-dua pihak mengenai kaedah pengendalian infrastruktur MRT.

"Belum ada yang dimuktamadkan, dan perbincangan akan diteruskan selepas cuti Aidilfitri," katanya.

Mengenai kemungkinan menyepadukan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dan cadangan laluan LRT 3 dari Bandar Utama ke Klang, Azhar berkata, syarikat itu masih belum berbincang mengenainya dengan Prasarana.

"Kita perlu merancang sebelum kita melakukan integrasi ini. Setakat ini, kami belum berbincang mengenainya. **BERNAMA**